UUM/AA88/SH/17.09.2026/P:21(1-2)

Imran dan Nadia disatukan, sahabat lama dipertemukan

PUCHONG - Majlis perkahwinan Muhammad Akmal Imran Kamarul Zaman dan Nur Nadia Syuhada Rosli di Glass Hall by Lugar De La Boda, Taman Puchong Prima, Ahad lalu, bukan sekadar meraikan penyatuan dua hati.

Malah, acara bersejarah itu turut menjadi majlis pertemuan antara ahli keluarga dan sahabat lama daripada pelbagai tokoh politik, pentadbiran, akademik, profesional dan media yang mengenali keluarga pengantin sejak puluhan tahun lalu.

Terdahulu, pasangan pengantin mempunyai latar belakang dalam bidang undang-undang selepas lulus Ijazah Undang-Undang dari Universiti Utara Malaysia (UUM).

Muhammad Akmal Imran kini berkhidmat di Kementerian Kewangan manakala pasangannya, Nur Nadia merupakan Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara.

Penyatuan mereka turut menyatukan keluarga besar pengantin lelaki yang mempunyai akar keluarga di Pasir Puteh, Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas, Kelantan, serta Pekan, Pahang di samping keluarga pengantin perempuan dari Dewan Beta, Kota Bharu.

Majlis itu mungkin berlangsung hanya beberapa jam, tetapi persahabatan yang membawa mereka ke Puchong pada hari tersebut terbina selama puluhan tahun.

Itulah kenangan paling mahal daripada majlis perkahwinan Imran dan Nadia.



Pasangan pengantin Imran dan Nadia bergambar bersama ibu bapa mereka.

Nasional